


id II
l. 37



MALAYSIA

Hari Jumaat
19hb Oktober, 1984

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 5441]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 5466]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGIANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., .P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan
Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
,, TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 19hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-
UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

4.04 ptg.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin) Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan, untuk perkhidmatan bagi tahun 1985, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

Sebelum memulakan Ucapan, saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan setinggi penghargaan kepada bekas Menteri Kewangan yang telah menguruskan ekonomi kita dengan jayanya terutama sekali semasa dunia menghadapi kemelesetan ekonomi (*Tepuk*).

Saya suka menyatakan di sini bahawa Ucapan Belanjawan ini akan hanya menumpukan perhatian kepada perubahan cukai dan peruntukan perbelanjaan yang penting sahaja. Butir-butir lanjut mengenai cukai dan

perbelanjaan boleh didapati dalam lampiran kepada Ucapan Belanjawan dan juga dokumen-dokumen berkaitan dengan Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Ekonomi Antarabangsa

Sepertimana yang dijangkakan tahun lalu, ekonomi dunia pada tahun ini didapati semakin kukuh. Mengikut ramalan yang terakhir, Keluaran Negara Kasar sebenar di negara-negara perindustrian dijangka bertambah lebih daripada 4%. Pertambahan ini adalah lebih tinggi daripada yang diramalkan dahulu. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih pesat dari yang dijangkakan di Amerika Syarikat. Di samping itu keadaan inflasi juga didapati bertambah baik. Bagi tahun 1984 inflasi dijangka berada pada kadar 5%. Walau bagaimanapun kedudukan pengangguran di negara-negara maju masih tidak menggalakkan.

Walaupun keadaan ekonomi dunia sudah bertambah baik, terdapat kebimbangan sama ada pemulihan yang berlaku sekarang dapat dikekalkan. Kurangan belanjawan Kerajaan Amerika Syarikat yang besar dan berterusan dan dasar kewangan yang diamalkan oleh pihak Federal Reserve telah meningkatkan kadar faedah bank dan mengukuhkan lagi nilai Dollar Amerika. Keadaan seperti ini mungkin menjejaskan pertumbuhan di negara-negara perindustrian. Sekiranya kadar faedah bank terus meningkat dan masalah hutang kepada negara-negara

membangun tidak dapat diselesaikan dengan jayanya, pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang ini mungkin tidak dapat dikekalkan, malah ada kemungkinan kemelesetan ekonomi dunia akan muncul semula.

Ekonomi Malaysia Dalam Tahun 1984

Tuan Yang di-Pertua, Ekonomi Malaysia dijangka mencapai *pertumbuhan sebenar* sebanyak 6.9% bagi tahun 1984 berbanding dengan 5.9% dalam tahun 1983.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga bertambah baik akibat daripada tindakan-tindakan yang telah diambil dalam dua tahun yang lepas bagi memperkukuh dan memperkemaskan kedudukan kewangan. Akaun semasa Kerajaan Persekutuan dianggar mendapat lebih sebanyak \$449 juta berbanding dengan lebih sebanyak \$234 juta dalam tahun 1983. Perbelanjaan Pembangunan dijangka dapat dikurangkan sebanyak \$520 juta kepada \$8,896 juta bagi tahun 1984. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan kewangan dan imbalan pembayaran negara. Kurangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan akan juga mencapai paras yang lebih rendah iaitu sebanyak \$8,447 juta berbanding dengan \$9,182 juta dalam tahun 1983.

Strategi Belanjawan Tahun 1985

Sepertimana yang saya sebutkan awal tadi, prospek ekonomi dunia dan kesannya ke atas ekonomi Malaysia tidak begitu menggalakkan bagi tahun 1985. Oleh itu, adalah perlu bagi Kerajaan meneruskan dasar berjimat-cermat supaya perbelanjaan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji keseluruhan masalah yang

dihadapi oleh ekonomi negara, Strategi Belanjawan untuk tahun 1985 adalah bertujuan:

- (i) mengukuhkan imbalan pembayaran;
- (ii) mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kesetabilan kewangan; dan
- (iii) menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Dengan perlaksanaan strategi-strategi ini adalah diharapkan bahawa ekonomi negara akan semakin kukuh dan kedudukan kewangan semakin stabil.

I. MENGUKUKKAN IMBALAN PEMBAYARAN

Sejak tahun 1980, akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan imbalan pembayaran kita telah mengalami kesulitan. Apabila kemelesetan ini berpanjangan, kurangan dalam akaun semasa imbalan pembayaran negara semakin merosot. Pada tahun ini, disebabkan pemulihan ekonomi antarabangsa dan juga langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, kita menjangka akaun semasa akan mencatat kurangan sebanyak \$5.2 ribu juta iaitu jauh lebih rendah daripada kurangan sebanyak \$8.1 ribu juta yang dialami dalam tahun 1982, apabila imbalan pembayaran mengalami kesan kemelesetan ekonomi dunia yang teruk. Namun demikian, kita masih perlu memperbaiki lagi kedudukan imbalan pembayaran ini.

Saya ingin menekankan di sini bahawa langkah bagi memperkukuhkan imbalan pembayaran merupakan langkah jangka panjang. Kita akan terus mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk mengawal perbelanjaan

Kerajaan. Saya akan menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut apabila membentangkan Strategi Belanjawan kedua, iaitu memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam. Setakat ini biarlah saya kemukakan dahulu beberapa langkah tertentu yang akan memberi faedah segera dan juga dalam jangka pendek kepada kedudukan imbalan pembayaran negara.

Pelancungan

Sebagai satu langkah untuk menggalakkan lagi industri pelancungan, tindakan sedang diambil untuk memberi galakan cukai yang liberal kepada hotel-hotel kecil sepertimana yang telah diberikan kepada hotel-hotel besar. Adalah diharapkan tindakan ini akan juga memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil mengambil bahagian dalam industri pelancungan.

Hadiah dan Cenderamata Yang Dibawa Masuk Ke Negara Ini Oleh Rakyat Yang Keluar Negara

Pada masa ini, hadiah dan cenderamata yang dibawa masuk tanpa duti oleh seseorang yang berada di luar negeri sekurang-kurangnya 72 jam adalah dihadkan kepada \$200. Walau bagaimanapun nilai sesuatu unit barang tidak boleh melebihi \$25. Untuk memastikan kemudahan ini lebih liberal lagi, adalah *dicadangkan* supaya sekatan ke atas nilai sesuatu unit itu dihapuskan dan untuk menggalakkan lawatan ke Labuan nilai hadiah dan cenderamata tersebut dinaikkan dari \$200 kepada \$500.

Memudahkan Pemeriksaan Kastam Di Semua Pintu Kemasukan

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan lagi pemeriksaan kastam ke atas penumpang-penumpang yang masuk ke negara ini, adalah *dicadangkan* supaya satu kadar duti

sahaja, iaitu sebanyak 50%, dikenakan ke atas semua barang yang dibawa masuk kecuali kenderaan bermotor, rokok dan minuman keras.

Menghadkan Kemudahan Tambang Percuma Untuk Pekerja

Pada masa ini pekerja-pekerja adalah dikecualikan daripada cukai ke atas kemudahan tambang percuma yang diberi oleh majikan tanpa mengira syarikat penerbangan yang digunakan. Adalah *dicadangkan* bahawa pengecualian cukai ini diberi hanya kepada mereka yang menggunakan tiket daripada MAS sahaja.

Duti Import dan Eksais Ke Atas Kereta

Untuk memperbaiki imbalan pembayaran negara disamping melindungi projek kereta nasional yang dijangka memulakan pengeluaran dalam tahun 1985, adalah *dicadangkan* duti import ke atas kereta-kereta yang belum siap dipasang dinaikkan dari 30% kepada 40%. Duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang dan duti eksais ke atas kereta yang dipasang di negara ini yang bernilai lebih daripada \$13,000 akan juga dinaikkan. Disamping itu, untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tayar adalah *dicadangkan* supaya duti import ke atas tayar motokar, lori dan bas dinaikkan.

Galakan Cukai Untuk Industri Perkapalan

Di dalam Belanjawan yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan galakan perkapalan yang liberal. Galakan tersebut bertujuan mewujudkan satu perusahaan perkapalan negara yang teguh dan untuk memperbaiki imbalan pembayaran. Adalah didapati galakan ini perlu diperkemas lagi bagi memastikan matlamat ini dapat

dicapai. Oleh itu, adalah *dicadangkan* supaya galakan mengenai perkapalan ini dihadkan kepada pemastautin yang mengendalikan kapal-kapal Malaysia sahaja.

II. MENGUKUHKAN KEDUDUKAN BELANJAWAN SEKTOR AWAM

Tuan Yang di-Pertua, pengawalan Belanjawan adalah amat perlu bagi menjamin kekukuhan imbalan pembayaran, kemantapan Belanjawan Kerajaan Persekutuan dan kewangan sektor awam pada keseluruhannya. Ini adalah kerana perbelanjaan awam mempunyai pertalian yang rapat dengan prestasi imbalan pembayaran. Perbelanjaan Kerajaan yang lebih besar akan melemahkan imbalan pembayaran oleh kerana ia mungkin membawa kepada pertambahan import.

Walau bagaimanapun sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita telah pun mencapai kemajuan dalam usaha mengurangkan perbelanjaan awam dan seterusnya mengurangkan kurangan imbalan pembayaran dalam beberapa tahun yang lepas. Dalam tahun 1982 apabila kita mula mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, kurangan Belanjawan Kerajaan Persekutuan sebagai sebahagian dari Keluaran Negara Kasar atau KNK ialah 20.3%. Adalah dijangka bahagian dari KNK yang tinggi ini akan dapat dikurangkan kepada 11.9% pada tahun 1984.

Begitu juga jumlah perbelanjaan sektor awam sebagai peratus KNK dijangka turun dari lebih kurang 35.6% pada tahun 1982 kepada lebih kurang 29.8% pada tahun 1984. Kawalan perbelanjaan yang dilaksanakan telah membawa kesan yang berfaedah kepada imbalan pembayaran. Dalam tahun 1982, kurangan akaun semasa imbalan pembayaran merupakan

13.9% daripada KNK. Nisbah ini dijangka turun kepada kira-kira 7.3% pada tahun 1984.

Walaupun ekonomi negara adalah lebih teguh dan mantap sekarang kita mesti berwaspada. Kita mesti meneruskan usaha-usaha mengukuhkan lagi Belanjawan dan imbalan pembayaran. Kita mesti terus mengawal dengan ketat segala perbelajaan.

Oleh yang demikian, dan selaras dengan Strategi Belanjawan saya mencadangkan supaya *sejumlah \$29,191 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1985, yang terdiri* daripada \$21,538 juta atau 74% bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$7,653 juta atau 26% bagi Perbelanjaan Pembangunan. Jumlah peruntukan ini bertambah sebanyak \$1,499 juta atau 5% sahaja dari jumlah peruntukan Belanjawan tahun 1984.

Perbelanjaan Mengurus dalam Belanjawan 1985 bertambah sebanyak kira-kira \$2,522 juta atau 13% melebihi Belanjawan tahun 1984. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah untuk menampung kenaikan dalam perbelanjaan bayaran kakitangan. Peruntukan bagi bayaran hutang negara merupakan 26% dan bayaran gaji 35% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1985.

Perbelanjaan Mengurus

Dari segi peruntukan mengikut sektor, sejumlah \$5,516 juta atau 26% daripada Perbelanjaan Mengurus, adalah diperuntukkan bagi Sektor Sosial, termasuk \$3,772 juta bagi Pelajaran dan \$1,111 juta bagi Kesihatan. Peruntukan bagi Sektor Ekonomi berjumlah sebanyak \$2,027 juta atau 9%. Sektor Keselamatan diperuntukkan sebanyak \$3,691 juta atau 17% daripada Perbelanjaan Mengurus.

Perbelanjaan Pembangunan

Bagi Perbelanjaan Pembangunan pula, Sektor Ekonomi disediakan peruntukan sebanyak \$4,562 juta atau 60% daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah ini, sebanyak \$1,445 juta akan disediakan untuk Pertanian, \$1,044 juta untuk Kemudahan-kemudahan Awam dan \$1,538 juta untuk Pengangkutan dan Perhubungan. Sebanyak \$1,634 juta lagi atau 21% daripada Perbelanjaan Pembangunan akan disediakan untuk Sektor Sosial. Sektor Keselamatan akan diperuntukkan sebanyak \$690 juta atau 9%.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan supaya perbelanjaan Kerajaan dapat dikekalkan pada tahap yang serendah-rendah yang boleh. Langkah-langkah ini termasuklah meneruskan pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengwujudan jawatan-jawatan baru kecuali bagi jawatan-jawatan yang penting sahaja. Begitu juga, perbelanjaan bagi hal-hal lain seperti pengangkutan dan perjalanan, mesyuarat dan persidangan, kemudahan dan alat kelengkapan pejabat akan dikawal dengan ketat.

Pelbagai usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan pengurusan sektor awam. Ini termasuklah penggunaan kaedah-kaedah baru dan teknologi yang lebih maju dan cekap. Dalam Belanjawan 1985 peruntukan yang sewajarnya telah disediakan bagi beberapa jabatan dan agensi untuk dilengkapi dengan peralatan-peralatan komputer dan alat-alat elektronik yang sesuai.

Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (OBA)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh berkenaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan. Peranan

dan perkembangan yang pesat Agensi-agensi ini adalah satu gejala baru dalam ekonomi kita. Walaupun ia adalah satu lagi cabang pelaburan sektor awam, kesannya ke atas ekonomi negara tidaklah begitu memuaskan. Pada tahun 1981, Agensi-agensi Di Luar Belanjawan telah membelanjakan \$2.5 ribu juta atau 18% daripada jumlah perbelanjaan sektor awam. Perbelanjaan ini dijangka memuncak kepada \$7.2 ribu juta atau 46% pada tahun 1984.

Kaedah pengawasan dan pengurusan perbelanjaan tidak boleh berbeza antara perbelanjaan Kerajaan dan perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan kerana kedua-duanya memberi kesan yang sama ke atas imbalan pembayaran dan kedudukan kewangan sektor awam. Oleh itu adalah perlu perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan dikurangkan. Untuk tahun 1985, perbelanjaan agensi-agensi ini akan dikurangkan sebanyak \$1.5 ribu juta iaitu kepada \$5.7 ribu juta sahaja. Kita tidak dapat mengurangkan perbelanjaan ini dengan lebih banyak lagi kerana kebanyakan daripada perbelanjaan ini adalah untuk membiayai dan melaksanakan projek-projek yang telah diiktijadkan.

Sebenarnya, kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini boleh digalakkan dan dikembangkan melalui dasar Pengswastaan. Insya Allah peruntukan ini akan terus dikurangkan apabila dasar Pengswastaan dan Persyarikatan Malaysia mendapat sambutan dan kejayaan sepenuhnya kelak.

Pada paras perbelanjaan sekarang kita harus mengakui bahawa usaha Agensi-agensi Di Luar Belanjawan adalah penting. Agensi-agensi seperti Lembaga Letrik Negara, Telekom, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia, Lembaga Lebuhraya

Malaysia dan Perbadanan Perkapalan Malaysia memberikan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan bukan sahaja untuk penduduk bandar tetapi juga kepada penduduk luar bandar. Di samping menyediakan kemudahan supaya hidup kita lebih selesa, agensi-agensi ini juga dapat menyediakan lebih banyak jenis dan jumlah pekerjaan bagi rakyat terutamanya kaum belia kita yang kian bertambah.

Sektor Ekonomi

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menghuraikan pembahagian Perbelanjaan Pembangunan mengikut sektor.

Bagi Sektor Ekonomi, sebanyak \$1,044 juta adalah disediakan untuk Kemudahan-kemudahan Awam termasuk \$608 juta untuk bekalan air dan \$436 juta untuk bekalan elektrik.

Sebahagian besar peruntukan bagi bekalan air adalah untuk projek-projek yang telah dimulakan dalam tahun 1983 dan dijadualkan siap pada tahun 1985. Projek-projek tersebut meliputi Negeri Perak, Pahang dan Johor.

Kira-kira 42% atau \$182 juta dari jumlah yang dierutukkan bagi bekalan elektrik adalah untuk projek-projek haidro. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menggunakan lebih banyak kuasa haidro dan menjimatkan penggunaan minyak bagi penjanaan kuasa elektrik.

Peruntukan sebanyak \$513 juta adalah untuk Perdagangan dan Perindustrian. Daripada jumlah ini, sebanyak \$435 juta adalah untuk perusahaan awam.

Sebanyak \$585 juta disediakan untuk Perhubungan. Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah untuk telekom bagi mengadakan beberapa rangkaian talian di seluruh negara supaya matlamat untuk memberi

kemudahan kepada 1.6 juta pelanggan tercapai pada akhir tahun 1985.

Keutamaan juga akan diberi kepada program-program di bawah Pengangkutan dengan peruntukan sebanyak \$953 juta. Ini termasuk \$611 juta untuk jalan dan jambatan, \$126 juta untuk penerbangan awam, \$117 juta untuk pelabuhan dan Jabatan Laut dan \$79 juta untuk keretapi.

Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan perhatian yang utama akan tetap diberikan terhadap usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kita tidak akan sekali-kali lupa kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sangat penting ini. Kita tetap yakin bahawa demokrasi politik tidak lengkap dan sempurna jika rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi iaitu keupayaan untuk mengatasi kemiskinan. Kita percaya tidak ada seorang pun antara kita yang ingin dengan suka hatinya untuk hidup miskin. Sebaliknya setiap orang mempunyai impian dan keazaman hendak memiliki wang secukupnya supaya hidupnya lebih selesa, senang beribadat, bekerja dan menjalankan tanggungjawabnya terhadap keluarga dan agama. Inilah juga impian dan keazaman Kerajaan.

Dengan itu bagi Belanjawan 1985, sebanyak \$2,190 juta diperuntukkan kepada projek-projek atau program-program membasmi kemiskinan. Sebanyak \$621 juta pula diperuntukkan untuk program-program menyusun semula masyarakat. Jumlah peruntukan untuk kedua-dua matlamat ini adalah 37% daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 1985. Peruntukan yang besar ini menunjukkan keazaman Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk

membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Salah satu langkah terpenting untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran petani, terutamanya dengan membuka tanah baru dan membangunkan tanah-tanah yang sudah tersedia. Untuk tujuan ini, \$571 juta disediakan bagi agensi-agensi yang mengendalikan program-program ini khususnya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang diperuntukkan \$326 juta dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) dengan peruntukan sebanyak \$102 juta. Rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh FELDA akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan baru di negeri Sabah. FELCRA pula akan melipatgandakan usahanya untuk memulih tanah-tanah terbiar dengan tanaman kekal dan di mana sesuai, menyatukan tanah-tanah milik kecil supaya menjadi lebih ekonomik. Untuk faedah kaum tani pula, \$216 juta diperuntukkan bagi parit dan taliair. Untuk kebajikan pekebun-pekebun kecil, \$105 juta diperuntukkan bagi tanaman semula getah.

Kerajaan juga sedar bahawa untuk membasmi kemiskinan kita perlu meningkatkan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, sebanyak \$193 juta diperuntukkan bagi membina jalan luar bandar dan jalan kampung. Sebanyak \$76 juta pula diperuntukkan untuk bekalan air luar bandar dan \$71 juta untuk bekalan elektrik luar bandar.

Peruntukan yang disediakan untuk mencapai matlamat menyusun semula masyarakat menunjukkan keazaman Kerajaan untuk meninggikan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Yayasan Pelaburan Bumiputera

diperuntukkan sebanyak \$122 juta, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri \$84 juta dan UDA \$75 juta.

Tuan Yang di-Pertua, asas ekonomi negara ialah pertanian. Ia merupakan punca pendapatan utama bagi sebahagian besar penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh itu, sebanyak \$1,445 juta atau 19% daripada peruntukan Perbelanjaan Pembangunan adalah diperuntukkan bagi sektor ini.

Sebanyak \$344 juta adalah diperuntukkan bagi Pembangunan Pertanian. Dari jumlah ini, kira-kira \$80 juta disediakan bagi subsidi baja padi dan sebanyak \$249 juta adalah disediakan bagi usaha-usaha pembangunan pertanian secara bersepadu di 14 kawasan di seluruh negara. Usaha-usaha akan dipertingkatkan untuk membantu petani-petani dari segi pengetahuan dan bimbingan teknikal, peningkatan kemudahan yang sedia ada serta pembinaan kemudahan-kemudahan baru dan memperbaiki sistem memproses dan pemasaran keluaran-keluaran pertanian.

Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha untuk memajukan masyarakat nelayan. Bagi maksud ini, peruntukan berjumlah \$78 juta akan disediakan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan memberi perhatian kepada usaha-usaha pembangunan nelayan di bawah konsep Pembangunan Kawasan Nelayan. Jabatan Perikanan pula akan terus membina kemudahan-kemudahan asas, menjalankan usaha-usaha penyelidikan dan perkembangan dan menganjurkan latihan untuk nelayan.

Galakan Kepada Industri Berasaskan Getah

Kerajaan ingin melihat banyak lagi getah asli digunakan untuk membuat

barang-barang perkilangan khususnya untuk pasaran eksport. Adalah *dicadangkan* supaya kilang-kilang berasaskan getah yang berorientasikan eksport diberikan kadar tarif elektrik yang lebih rendah dan dibenarkan membeli getah dari FELDA, MARDEC dan RISDA pada harga yang didiskaunkan, supaya mereka dapat bertanding dengan lebih berkesan lagi di pasaran dunia.

Sektor Sosial

Sektor sosial diberi peruntukan sebanyak \$1,634 juta atau 21% daripada jumlah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah ini, \$971 juta adalah untuk Pelajaran dan \$168 juta bagi Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus menyediakan peluang dan kemudahan pelajaran untuk melahirkan rakyat yang berdisiplin, terlatih dan berpelajaran. Bagi program Pelajaran Rendah, sebanyak \$41 juta akan disediakan bagi pembinaan 685 bilik darjah dan bagi program Pelajaran Menengah pula, sebanyak \$128 juta akan disediakan bagi pembinaan 569 buah bilik darjah termasuk makmal-makmal dan peralatan lain. Bagi program Pelajaran Teknik dan Vokasional, sebanyak \$128 juta disediakan untuk pembinaan 18 buah Sekolah Menengah Vokasional dan \$49 juta untuk pembinaan 5 buah Politeknik. Kemudahan Pelajaran Tinggi akan diperluaskan lagi. Peruntukan berjumlah \$299 juta adalah disediakan untuk projek-projek pelajaran tinggi termasuk untuk Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak dan Universiti Utara Malaysia. Sesungguhnya, bidang pelajaran akan terus diberi keutamaan supaya pembangunan negara akan dapat dikendalikan dengan baik dan berkesan melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Mengkaji Semula Paras Pengecualian Cukai ke atas Royalti dari Hasil Karya, Seni dan Terjemahan

Pengeluaran hasil karya terutamanya dalam bidang pelajaran perlu digalakkan lagi. Dengan itu adalah dicadangkan supaya paras pengecualian cukai untuk royalti dari hasil karya dan seni dinaikkan dari \$3,000 kepada \$6,000. Di samping itu, bagi memperbanyakkan lagi buku-buku untuk pelajaran *dicadangkan* supaya pendapatan royalti sebanyak \$3,000 dari terjemahan buku-buku dikecualikan juga dari cukai. Pengecualian ini dihadkan bagi terjemahan yang dibuat atas permintaan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Peguam Negara sahaja.

Kerajaan akan terus mempertingkatkan usahanya untuk membaiki taraf kesihatan rakyat. Perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital daerah akan diperbaiki dan perkhidmatan doktor pakar juga akan diperluaskan. Peruntukan yang disediakan di bawah Anggaran Pembangunan bagi tahun 1985 ialah untuk meneruskan pembinaan dan melengkapkan 19 buah hospital baru. 98 buah pusat kesihatan dan klinik desa serta membaiki dan menambahkan kemudahan asas di 16 buah hospital yang sedia ada.

Dari segi kesihatan, Kerajaan memang ingin mengurangkan penghisapan rokok dan juga minuman keras dengan menaikkan lagi duti ke atas barang-barang ini. Tetapi oleh kerana duti yang tinggi telah pun mengurangkan kadar pertumbuhan hasil, saya fikir adalah tidak perlu duti ke atas barang-barang ini dinaikkan pada tahun ini (*Ketawa*).

Potongan Cukai Ke Atas Perbelanjaan Bagi Maksud Kebersihan dan Pengindahan

Untuk menggalakkan lagi pihak swasta dan orang awam memberi

derma kepada Kerajaan umpamanya bagi maksud kebersihan dan pengindahan alam sekitar, adalah *dicadangkan* supaya semua derma wang tunai kepada Kerajaan tempatan juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada pelaksanaan projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah di seluruh negara. Oleh itu, peruntukan sebanyak \$278 juta akan disediakan bagi tahun 1985. Adalah dijangkakan sejumlah kira-kira 17,400 unit rumah kos rendah akan dapat disiapkan dalam tahun 1985 sementara 57,300 unit pula berada dalam berbagai-bagai peringkat pembinaan. Adalah juga diharapkan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih positif di dalam pembinaan perumahan awam kos rendah apabila dasar Pengswastaan dilaksanakan.

Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diberi peruntukan sebanyak \$690 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan. Dari jumlah ini, sebanyak \$430 juta adalah untuk Pertahanan dan \$260 juta untuk Keselamatan Dalam Negeri. Sebahagian besar peruntukan bagi Pertahanan disediakan bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan. Peruntukan bagi Keselamatan Dalam Negeri pula disediakan bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek seperti pembinaan balai-balai polis dan rumah kediaman anggota dan pembelian alat-alat kelengkapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh tentang beberapa cadangan untuk menambahkan hasil cukai demi untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Belanjawan sektor awam.

Pengenaan Cukai Ke atas Pemindahan Saham Dalam Syarikat Harta Tanah

Pada masa sekarang terdapat banyak syarikat harta tanah yang mengelakkan daripada membayar cukai keuntungan harta tanah dengan penjualan saham-saham syarikat. Bagi mengatasi masalah ini dan untuk menambah hasil, adalah *dicadangkan* supaya cukai sebanyak 10% dikenakan ke atas penjualan saham oleh sesebuah syarikat yang mempunyai tanah sebagai salah satu daripada hartanya. Cukai ini akan dikenakan ke atas penjualan melebihi \$1 juta dan adalah terhad kepada syarikat-syarikat yang tidak berdaftar di Bursa Saham.

Perubahan kepada Beberapa Bayaran Di Bawah Ordinan Lalulintas 1958

Beberapa jenis bayaran yang terdapat di bawah Ordinan Lalulintas perlu dikemaskini. Oleh itu saya *mencadangkan* menaikkan bayaran pendaftaran kereta baru, dan cukai jalan bagi motosikal serta kereta sewa pandu sendiri. Kenaikan juga *dicadangkan* untuk beberapa bayaran lain seperti bayaran untuk pindah milik nombor pendaftaran, pemeriksaan kenderaan bermotor dan sebagainya.

III. MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN SEKTOR SWASTA

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan cukai bukanlah untuk mengenakan hukuman atau mengakibatkan penderitaan ke atas pembayar cukai. Sebaliknya cukai-cukai dikenakan untuk mencapai objektif-objektif negara seperti pertumbuhan dan perlindungan kepada industri tempatan. Dalam Belanjawan kali ini, beberapa cukai dikurangkan. Tindakan ini diambil dengan harapan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya pengeluaran. Saya suka menekankan di sini bahawa negara kita bersaing dengan negara-negara jiran dalam usaha menarik

pelabur-pelabur asing. Oleh yang demikian, adalah perlu supaya sistem percukaian yang ada di negara ini diubah supaya setanding dengan sistem yang terdapat di negara-negara lain terutamanya negara-negara jiran. Kerajaan akan terus memberi galakan kepada mereka yang sanggup bekerja keras untuk menggalakkan pelaburan di negara ini. Saya berharap bahawa perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan ini akan disambut baik dan dijadikan satu penggerak untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Kajian Semula Cukai Pendapatan Perseorangan

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan daya pengeluaran, pelaburan dan jumlah simpanan di kalangan orang ramai, adalah dicadangkan supaya cukai pendapatan dikurangkan bagi semua golongan pembayar cukai. Cadangan ini adalah seperti berikut:

- (i) dua kadar cukai yang terendah iaitu 6% dan 9% masing-masing dikurangkan kepada 5% dan 8%;
- (ii) kadar cukai maksima dikurangkan dari 55% ke paras 40% bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$100,000;
- (iii) di samping mengadakan kadar-kadar yang lebih rendah, pindaan-pindaan tertentu juga dibuat kepada kumpulan-kumpulan pendapatan (income brackets) yang dikenakan cukai;
- (iv) paras pengecualian cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% dinaikkan dari \$100,000 kepada \$300,000; dan
- (v) untuk membantu golongan berpendapatan rendah ribet cukai sebanyak \$60 untuk pembayar cukai dan \$30 untuk

isteri hanya boleh dinikmati oleh mereka yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000.

Mengkaji Semula Kadar Pelepasan Untuk Anak

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai jumlah penduduk seramai 70 juta, sekarang adalah *dicadangkan* kadar pelepasan cukai untuk anak pertama ialah \$650, anak kedua \$750 dan anak ketiga hingga kelima \$800 seorang (*Ketawa*).

Pengecualian Cukai Ke Atas Pencen

Pada masa ini ada golongan tertentu yang menerima lebih daripada satu pencen dan kesemua pencen adalah dikecualikan daripada cukai. Hal ini telah menimbulkan ketidakseimbangan dalam sistem percukaian kita dan oleh itu adalah *dicadangkan* supaya pengecualian cukai dihadkan kepada pencen yang terbesar sahaja.

Kedudukan Kos Carigali Dalam Sistem Percukaian

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menggalakkan kegiatan carigali bagi mendapat punca-punca bahan logam yang baru untuk menjamin perkembangan sektor perlombongan pada masa hadapan. Adalah *dicadangkan* supaya kaedah percukaian mengenai kos carigali dijadikan lebih menarik dengan membenarkan kos ini dipotong daripada pendapatan syarikat apabila ianya dibelanjakan.

Kajian Semula Duti Harta Pesaka

Sebagai langkah untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pihak waris ketika membayar duti harta pesaka, adalah *dicadangkan* supaya paras pengecualian duti harta pesaka yang dikenakan ke atas simati yang menetap di Malaysia dinaikkan dari \$600,000 kepada \$2 juta. Bagi yang

bukan menetap di negara ini paras pengecualian akan dinaikkan dari \$120,000 ke \$400,000. Di samping itu, untuk memperkemas lagi pentadbiran duti harta pesaka, adalah *dicadangkan* supaya sebelas kadar yang ada sekarang dikurangkan kepada dua sahaja, iaitu 5% dan 10% bergantung kepada nilai harta pesaka berkenaan.

Cadangan Untuk Membantu Industri Bas

Untuk membantu industri bas, adalah *dicadangkan* supaya bas berhenti-henti atau 'stage bus' dan bas sekolah milik syarikat dikecualikan daripada bayaran duti eksais.

Cukai Jalan Kereta Diesel dan Kereta Syarikat

Memandangkan bahawa subsidi ke atas diesel telah ditarik balik sejak awal tahun ini, adalah *dicadangkan* supaya cukai jalan ke atas kereta-kereta diesel milik persendirian dikurangkan kepada empat kali ganda cukai jalan yang dikenakan ke atas kereta-kereta petrol milik persendirian. Adalah *dicadangkan* juga supaya cukai jalan ke atas kereta-kereta milik syarikat dikurangkan kepada dua kali ganda cukai jalan ke atas kereta-kereta petrol milik persendirian.

Mengkaji Semula Elaun Modal bagi Motokar yang Digunakan dalam Perniagaan

Di samping itu adalah *dicadangkan* juga supaya elaun modal bagi motokar yang digunakan dalam perniagaan dinaikkan dari \$15,000 kepada \$25,000.

Galakan Perindustrian

Kerajaan sedang berusaha untuk mengkaji semula galakan perindustrian untuk menambahkan lagi pelaburan swasta. Semenjak beberapa bulan yang lalu, satu

kumpulan pakar antarabangsa bersama-sama pegawai Kerajaan telah menyiapkan satu laporan awal mengenai kesemua galakan bagi sektor perindustrian. Kerajaan akan memberi keutamaan yang tinggi kepada perkara ini untuk memperbaiki sistem galakan perindustrian kita.

Dasar Kewangan

Dalam tahun 1984 dasar kewangan akan terus memberi keutamaan bagi mengekalkan disiplin kewangan supaya dapat mengurangkan defisit dalam sektor awam dan akaun semasa imbalan pembayaran. Dasar mengawal kewangan secara terpilih masih lagi diperlukan untuk memastikan supaya pertumbuhan dalam bekalan wang dan kredit adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara di samping menstabilkan paras harga.

Dasar kewangan akan dilaksanakan dengan cara fleksibel mengikut perubahan ekonomi dalam negara. Jumlah wang akan diuruskan dengan cara yang sesuai untuk mengelakkan permintaan yang berlebihan, selaras dengan matlamat menstabilkan paras harga. Pembiayaan eksport dan pelaburan untuk menggerakkan eksport akan diberi perhatian yang utama. Kerajaan akan juga memastikan bahawa kaum Bumiputera, pengusaha kecil, petani-petani yang terlibat dalam pengeluaran makanan dan bakal pembeli rumah akan terus mendapat kredit bank pada kos yang menasabah.

Dasar Kadar Faedah

Mengenai kadar faedah, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang mengkaji perkara ini supaya ianya seimbang dengan kehendak ekonomi dan kewangan negara. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki lagi struktur kadar faedah. Adalah diharap pembaikan struktur kadar

faedah ini kelak akan dapat membawa kepada simpanan yang lebih, terutama sekali dengan pendapatan yang lebih akibat dari pengurangan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Dewan yang mulia ini telah membahaskan Usul mengenai BMF. Banyak telah diperkatakan tentang perkara ini dan saya percaya ianya akan terus diperkatakan lagi. Peristiwa pahit ini telah berlalu. Tugas kita sekarang ialah untuk memperkukuhkan kedudukan Bank Bumiputra dan membina keyakinan orang ramai serta kalangan antarabangsa terhadap Bank tersebut. Untuk mengelakkan peristiwa ini berulang, beberapa peraturan bank telah pun diperketatkan. Saya juga ingin memberi jaminan sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini bahawa sekiranya ada bukti yang menunjukkan adanya penyelewengan, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah. Ini bukan janji kosong seperti yang disangka oleh setengah pihak. Kerajaan akan mengambil apa jua tindakan bagi menepati janjinya kepada rakyat untuk mewujudkan satu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah (*Tepuk*).

Prospek Ekonomi Malaysia bagi tahun 1985

Dengan pelaksanaan Strategi Belanjawan dan semua langkah cukai, perbelanjaan dan kewangan yang telah saya huraikan awal tadi, prospek ekonomi negara bagi tahun 1985 dijangka baik. Ekonomi negara sekarang dijangka mencapai pertumbuhan sebenar sebanyak 6.7%. Inflasi pula dijangka dapat distabilkan pada paras 5%. Imbangan pembayaran negara juga dijangka bertambah baik dengan akaun semasa mencapai kurangan yang lebih rendah dari tahun 1984 iaitu sebanyak \$4.9 ribu juta. Simpanan luar negara dijangka

bertambah dan mencukupi untuk membiayai 3.6 bulan import. Kewangan sektor awam pada keseluruhannya dijangka bertambah baik manakala kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka akan mencapai lebihan dalam akaun semasa sebanyak kira-kira \$379 juta selepas mengambil kira perubahan-perubahan cukai.

Penutup

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kemelesetan ekonomi dunia masih kuat mencengkam kita. Kita tidak boleh elak daripada bahana ini. Tetapi kita boleh berusaha, dengan keredaan Allah, untuk memperbaiki ekonomi kita dan mengurungi kesan kemelesetan itu ke atas rakyat. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana telah melindungi kita daripada bencana yang menimpa setengah negara dan seterusnya memberikan kita petunjuk, kebijaksanaan dan kecekalan hati untuk berusaha. Kita perlu terus berusaha dengan penuh keazaman untuk memulihkan keadaan ekonomi negara dan memperbaiki kebajikan rakyat.

Langkah untuk terus mengawal perbelanjaan sektor awam boleh mengurangkan peranan Kerajaan di dalam ekonomi. Ini akan membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih luas dan dinamis dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Saya berharap perubahan-perubahan cukai akan memberi galakan kepada setiap golongan rakyat untuk bekerja dengan lebih gigih, menambahkan daya pengeluaran, meningkatkan lagi simpanan dan melabur wang mereka. Tindakan ini juga diambil untuk memberi penghargaan kepada mereka yang bekerja keras.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan menyediakan peruntukan yang besar bagi projek-projek dan program membasmi

kemiskinan dan menambah kemudahan infrastruktur. Ini semua akan memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah, terutamanya di luar bandar dan di kawasan-kawasan terbiar di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun hasrat Kerajaan ini tidak akan tercapai jika tidak ada kerjasama dari semua pihak. Yang terpenting sekali ialah kerjasama antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta. Pihak Kerajaan telah menegaskan pentingnya kerjasama ini melalui dasar Persyarikatan Malaysia. Tetapi itu sahaja tidak cukup. Jentera Kerajaan sendiri perlu mengubah dan membuang semua sikap yang boleh menghalang kerjasama ini. Perubahan sikap ini hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan jujur. Sektor Swasta pula mestilah mengubah sikap yang terlalu mementingkan keuntungan. Mereka hendaklah memikirkan juga soal tanggungjawab terhadap kebajikan rakyat dan negara.

Walau bagaimanapun teras yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu usaha negara ialah rakyat. Kerajaan hanyalah pemegang amanah untuk rakyat. Oleh itu, perlulah ditegaskan di sini, bahawa semangat dan perpaduan antara rakyat sangatlah penting jika kita semua ingin terus menikmati kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran. Kita masti menghapuskan sikap bahawa Kerajaan mesti membantu kita sepanjang masa. Kita tidak boleh bergantung hanya kepada Kerajaan. Kita perlu menolong diri sendiri. Allah hanya menolong mereka yang berusaha menolong diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa atau golongan manapun yang boleh mendakwa mereka mementingkan kebajikan dan kebahagiaan rakyat lebih daripada

hasrat, azam, cita-cita dan usaha Kerajaan selama ini. Dengan keredaan Allah jua, kita akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk membaiki kehidupan rakyat. Sebab itulah teras Belanjawan kali ini ialah memastikan ketahanan dan keutuhan ekonomi negara untuk mencapai pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan. Berdasarkan kepada asas yang telah dibina, kita yakin akan berjaya. Dengan sokongan penuh dari semua kaum dan perpaduan setiap golongan rakyat, kita akan mencapai masa hadapan yang lebih makmur dan gemilang, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Tuan Daim Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1985 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam

senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Rabu, 24hb Oktober, 1984 mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2).

Sebelum saya menangguhkan mesyuarat maka bagi pihak Dewan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merayakan Hari Deepavali.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 24 Oktober, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.57 petang.

Kajian semula cukai pendapatan perseorangan

Pada masa sekarang cukai pendapatan perseorangan dikenakan pada kadar antara 6% hingga 50% bagi pendapatan dikenakan cukai tidak melebihi \$100,000. Kadar cukai sebanyak 55% dikenakan ke atas pendapatan dikenakan cukai yang melebihi \$100,000. Ribet sebanyak \$60 diberi kepada pembayar cukai dan \$30 kepada isteri. Di samping itu, lain-lain cukai yang dikenakan ke atas pendapatan perseorangan ialah 5%

cukai keuntungan berlebihan dan 5% cukai pembangunan.

Sebagai langkah untuk menggalakkan pengeluaran pendapatan yang lebih dan untuk meningkatkan daya pengeluaran pelaburan dan simpanan di kalangan orang ramai, adalah *dicadangkan* supaya struktur cukai pendapatan perseorangan dikaji semula dengan tujuan untuk mengurangkan beban cukai ke atas pembayar-pembayar cukai seperti berikut:

- (i) dua kadar cukai yang terendah iaitu 6% dan 9% masing-masing dikurangkan kepada 5% dan 8%;
- (ii) kadar cukai maksima dikurangkan dari 55% kepada 40% bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$100,000;
- (iii) pindaan-pindaan tertentu dibuat ke atas kumpulan-kumpulan pendapatan yang dikenakan cukai sebagaimana digariskan secara mendalam di dalam jadual yang dilampirkan;
- (iv) paras pengecualian cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% dinaikkan dari \$100,000 kepada \$300,000; dan
- (v) untuk membantu golongan berpendapatan rendah, ribet cukai sebanyak \$60 untuk pembayar cukai dan \$30 untuk isteri hanya dikekalkan bagi mereka yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000, tetapi dihapuskan bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$10,000.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

Jadual I

**Perbandingan Cukai Pendapatan Perseorangan Di Bawah
Struktur Sekarang Dengan Struktur Yang Dicapadangkan**

Struktur Sekarang		Struktur Dicapadangkan	
Kumpulan Pendapatan \$	Kadar	Kumpulan Pendapatan \$	Kadar
1- 2,500	6%	1- 2,500	5%
2,501- 5,000	9%	2,501- 5,000	8%
5,001- 7,500	12%		
7,501- 10,000	15%	5,001- 10,000	12%
10,000- 15,000	20%		
15,001- 20,000	25%	10,001- 20,000	15%
20,000- 25,000	30%		
25,001- 35,000	35%	20,001- 35,000	20%
35,001- 50,000	40%	35,001- 50,000	25%
50,001- 75,000	45%	50,001- 70,000	30%
75,001-100,000	50%	70,001-100,000	35%
>100,000	55%	>100,000	40%
>100,000	+5%EPT*	>300,000	+5%EPT

* EPT=Cukai Keuntungan Berlebihan

Mulai Tahun Taksiran 1985, ribet cukai \$60 untuk pembayar cukai dan \$30 untuk isteri akan diberi kepada mereka yang mempunyai pendapatan dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000.

Jadual II

**Cukai Pendapatan Yang Kena Di bayar Di bawah Struktur Cukai
Sekarang dan Yang Dicapadangkan**

Cukai Yang Kena Dibayar					
Pendapatan yang dikenakan cukai	Kadar Cukai Yang Dicapadangkan	Sekarang	Dicapadangkan	Kurangan Cukai	
\$		\$	\$	\$	
1- 2,500	5% di atas yang pertama	2,500	150	125	25
2,501- 5,000	8% di atas yang berikut	<u>2,500</u>	<u>225</u>	<u>200</u>	<u>25</u>
	di atas yang pertama	5,000	375	325	50
5,001- 10,000	12% di atas yang berikut	<u>5,000</u>	<u>675</u>	<u>600</u>	<u>75</u>
	di atas yang pertama	10,000	1,050	925	125
10,001- 20,000	15% di atas yang berikut	<u>10,000</u>	<u>2,250</u>	<u>1,500</u>	<u>750</u>
	di atas yang pertama	20,000	3,300	2,425	875
20,001- 35,000	20% di atas yang berikut	<u>15,000</u>	<u>5,000</u>	<u>3,000</u>	<u>2,000</u>
	di atas yang pertama	35,000	8,300	5,425	2,875

<i>Cukai Yang Kena Dibayar</i>					
<i>Pendapatan yang dikenakan cukai</i> \$	<i>Kadar Cukai Yang Dicapai</i>	<i>Sekarang</i> \$	<i>Dicadangkan</i> \$	<i>Kurungan Cukai</i> \$	
35,001- 50,000	25% di atas yang berikut di atas yang pertama	<u>15,000</u> 50,000	<u>6,000</u> 14,300	<u>3,750</u> 9,175	<u>2,250</u> 5,125
50,001- 70,000	30% di atas yang berikut di atas yang pertama	<u>20,000</u> 70,000	<u>9,000</u> 23,300	<u>6,000</u> 15,175	<u>3,000</u> 8,125
70,001-100,000	35% di atas yang berikut di atas yang pertama	<u>30,000</u> 100,000	<u>14,750</u> 38,050	<u>10,500</u> 25,675	<u>4,250</u> 12,375
Melebihi 100,000	40%				

Melebihi \$300,000—Cukai Keuntungan Berlebihan sebanyak 5%.

LAMPIRAN II

Mengkaji semula kadar cukai pelepasan untuk anak

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai jumlah penduduk seramai 70 juta orang, adalah *dicadangkan* supaya pelepasan cukai untuk anak dipinda seperti berikut:

	<i>Kadar Sekarang</i> \$	<i>Kadar Baru</i> \$
Anak Pertama	800	650
Anak Kedua	700	750
Anak Ketiga	600	800
Anak Keempat	500	800
Anak Kelima	400	800
JUMLAH PELEPASAN	3000	3800

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN III

Menghadkan pengecualian cukai pendapatan kepada satu pencen sahaja

Pada masa ini ada golongan tertentu yang menerima lebih daripada satu pencen dan kesemua pencen adalah dikecualikan daripada cukai. Hal ini telah menimbulkan ketidakseimbangan dalam sistem

percukaian kita dan oleh itu adalah *dicadangkan* supaya pengecualian cukai dihadkan kepada pencen yang tertinggi sahaja. Pencen-pencen yang lain akan dikenakan cukai.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN IV

Mengkaji semula paras pengecualian cukai ke atas royalti dari hasil karya, seni dan terjemahan

Dalam Belanjawan tahun 1978, royalti dari hasil karya dan seni sehingga \$3,000 setahun dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sebagai langkah untuk menggalak pengeluaran hasil karya dan seni, adalah *dicadangkan* supaya paras pengecualian cukai berkenaan dinaikkan dari \$3,000 kepada \$6,000.

Di samping itu, bagi memperbanyakkan lagi keluaran buku-buku teks untuk pengajian tinggi dan seterusnya mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia, adalah *dicadangkan* supaya pendapatan sebanyak \$3,000 dari terjemahan buku-buku

dikecualikan dari cukai. Pengecualian ini dihadkan bagi kerja-kerja terjemahan yang dibuat atas permintaan Kementerian Pelajaran dan Jabatan Peguam Negara sahaja.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN V

Menghadkan kemudahan tambang percuma untuk pekerja

Dalam Belanjawan lalu, kemudahan tambang percuma yang tidak dikenakan cukai telah dihadkan kepada sekali setahun dan hanya boleh dinikmati oleh pekerja dan ahli keluarganya sahaja. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki imbalan pembayaran, adalah *dicadangkan* sekarang supaya pekerja-pekerja hanya boleh menikmati kemudahan tambang percuma yang tidak dikenakan cukai dengan syarat:

- (i) mereka membuat perjalanan dengan menggunakan pengangkutan nasional atau jika mereka membuat perjalanan ke tempat-tempat yang tidak ada perkhidmatan pengangkutan nasional, tiket-tiket bagi tujuan ini mestilah dikeluarkan oleh pengangkutan nasional;
- (ii) apabila lawatan secara kumpulan diambil, dan lawatan itu termasuk destinasi yang diliputi oleh pengangkutan nasional, destinasi yang terjauh sekali (dari dan ke Malaysia) dalam perjalanan itu mestilah dibuat dengan pengangkutan nasional Malaysia dan tiket yang dikeluarkan oleh pengangkutan nasional.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

LAMPIRAN VI

Galakan cukai untuk industri perkapalan

Galakan perkapalan yang diperkenalkan melalui Belanjawan lalu telah membolehkan pemastautin dan bukan pemastautin menikmatinya sekiranya mereka mengendali kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar. Bagi memastikan pencapaian matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu perusahaan perkapalan yang teguh di negara ini dan juga bagi mengurangkan kekurangan dalam imbalan pembayaran, adalah *dicadangkan* galakan ini diperkemas lagi supaya galakan perkapalan dihadkan kepada pemastautin sahaja yang mengendalikan kapal-kapal Malaysia. Selanjutnya, definisi kapal-kapal Malaysia akan dijelaskan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

“Kapal Malaysia’ bermakna sesebuah kapal yang membuat pelayaran laut yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (sebagaimana dipinda) selain daripada feri, ‘barge’, ‘tug-boat’, ‘supply vessel’, ‘crew boat’, ‘lighter’, ‘dredger’, ‘fishing boat’, atau kapal lain yang serupa.”

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1984.

LAMPIRAN VII

Mengkaji semula elaun modal bagi motokar yang digunakan dalam perniagaan

Adalah didapati bahawa elaun modal bagi motokar yang digunakan dalam perniagaan telah tidak dikaji semula sejak ditetapkan dalam tahun 1975. Oleh yang demikian, adalah

dicadangkan supaya elaun tersebut dinaikkan dari \$15,000 kepada \$25,000.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN VIII

Prinsip-prinsip percukaian berhubung dengan industri pajakan

Pada masa sekarang tidak ada peruntukan yang khusus di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 berhubung dengan percukaian bagi industri pajakan. Oleh yang demikian terdapat masalah-masalah antaranya dari segi mengenalpasti pajakan yang sebenar dari sewa beli atau bayaran ansuran dan salahguna berhubung dengan tuntutan elaun modal. Untuk melicinkan pentadbiran cukai ke atas industri pajakan adalah *dicadangkan* supaya Akta Cukai Pendapatan 1967 dipinda seperti berikut:

- (i) seksyen 36 dipinda untuk membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri membuat peraturan dan garis panduan berhubung dengan industri pajakan; dan
- (ii) seksyen 39 dipinda untuk menghadkan perbelanjaan yang dibenarkan bagi bayaran sewaan motokar kepada \$25,000.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN IX

Kedudukan Kos Carigali Dalam Sistem Percukaian

Masa kini kebanyakan kawasan perlombongan telah diusahakan. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti carigali harus digalakkan bagi mendapat punca-punca baru bahan logam demi

untuk menentukan perkembangan sektor perlombongan di masa depan. Ini akan dapat dicapai dengan memberi layanan yang lebih liberal ke atas kos carigali.

Di bawah peruntukan sekarang kos carigali dibenarkan sebagai perbelanjaan apabila lombong berkenaan memulakan pengeluaran atau apabila kerja-kerja mencarigali itu tidak berhasil. Dengan tujuan untuk meringankan beban kewangan syarikat dalam tempoh menjalankan aktiviti-aktiviti carigali adalah *dicadangkan* supaya kos carigali dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan syarikat apabila ianya dibelanjakan. Apabila lombong berkenaan memulakan pengeluaran, kos tersebut akan dicampur semula kepada jumlah pendapatan lombong yang mana mengikut peruntukan sekarang elaun perlombongan akan dibenarkan sebagai potongan. Elaun perlombongan tidak akan dibenarkan sebagai potongan sekiranya kos carigali tidak dicampur semula kepada jumlah pendapatan lombong. Syarikat perlombongan akan diberi pilihan untuk memilih kaedah kos carigali yang baru ataupun yang ada sekarang.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

LAMPIRAN X

Menghapuskan cukai pembangunan dan cukai keuntungan berlebihan ke atas pendapatan yang disenaraikan di bawah seksyen 4A Akta Cukai Pendapatan 1967

Pada masa ini, di bawah seksyen 4A Akta Cukai Pendapatan 1967, bayaran untuk perkhidmatan teknikal dan sewaan ke atas harta alih yang dibuat kepada bukan pemastautin adalah tertakluk kepada cukai pegangan sebanyak 15% atas jumlah kasar. Di

samping itu, di mana yang berkenaan, pendapatan tersebut akan juga dikenakan cukai pembangunan dan/atau cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% atas jumlah bersih. Sekarang adalah *dicadangkan* supaya kedua-dua cukai pembangunan dan cukai keuntungan berlebihan tidak dikenakan ke atas pendapatan berkenaan. Dengan ini kadar yang akan dikenakan sebanyak 15% adalah sama dengan kadar cukai pegangan ke atas bayaran faedah dan royalti.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1984.

LAMPIRAN XI

Potongan cukai ke atas perbelanjaan bagi maksud kebersihan dan pengindahan

Di bawah seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 potongan cukai adalah dibenarkan untuk sumbangan wang yang diberi kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Di bawah undang-undang sekarang, Kerajaan tempatan tidak dirangkumi dalam tarif Kerajaan atau Kerajaan Negeri. Untuk membolehkan sumbangan wang kepada Kerajaan tempatan dikecualikan daripada cukai terutama sekali sumbangan bagi maksud kebersihan dan pengindahan, adalah *dicadangkan* supaya seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dipinda dengan memasukkan perkataan "local authority" selepas perkataan "State Government".

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

LAMPIRAN XII

Kajian semula duti harta pesaka

Sebagai langkah untuk memperkemas lagi pentadbiran duti harta pesaka dan untuk meringan beban cukai yang ditanggung oleh pihak waris ketika membayar duti harta pesaka, adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) paras pengecualian duti harta pesaka yang dikenakan ke atas simati yang menetap di Malaysia dinaikkan dari \$600,000 kepada \$2 juta dan bagi yang bukan menetap dari \$120,000 kepada \$400,000;
- (ii) hanya dua kadar duti harta pesaka akan dikenakan iaitu 5% bagi nilai harta pesaka di antara \$2 juta dan \$4 juta bagi yang menetap dan di antara \$400,000 dan \$800,000 bagi bukan menetap. Bagi harta pesaka yang melebihi nilai ini, duti sebanyak 10% akan dikenakan;
- (iii) memandangkan kepada paras pengecualian yang tinggi dan kadar-kadar duti yang rendah yang telah dicadangkan, had statutori lima tahun bagi pemindahan harta dicadangkan dinaikkan ke tujuh tahun; dan
- (iv) hanya sumbangan-sumbangan yang dibuat kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan sahaja dikecualikan daripada duti harta pesaka.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

LAMPIRAN XIII

Pengenaan cukai ke atas pemindahan saham dalam syarikat harta tanah

Masa kini terdapat banyak syarikat harta tanah yang mengelak daripada

membayar Cukai Keuntungan Harta Tanah dengan cara menjual saham-saham syarikat. Untuk memperkemaskan pentadbiran cukai dan sebagai salah satu langkah hasil, adalah *dicadangkan* supaya satu Cukai Pemindahan Saham sebanyak 10% dikenakan ke atas nilai penjualan saham oleh sesebuah syarikat yang mempunyai tanah sebagai salah satu daripada hartanya. Cukai ini akan dikenakan ke atas penjualan melebihi \$1 juta oleh sesebuah syarikat yang tidak berdaftar dengan Bursa Saham. Cukai baru ini akan dilaksanakan melalui undang-undang baru bertajuk Akta Cukai (Syarikat tanah) Pemindahan Saham 1984.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

LAMPIRAN XIV

Pengenaan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) ke atas penjualan harta tanah pada tahun ke 7 dan seterusnya

Masa kini penjualan harta pada tahun ke 7 dan berikutnya selepas tarikh pengambilan adalah dikecualikan daripada CKHT. Dengan pengenalan Cukai Pemindahan Saham ke atas syarikat harta tanah, syarikat yang memiliki harta yang melebihi tempoh enam tahun mungkin mengambil peluang menjual hartanya (dan tidak menjual saham-saham) untuk mengelakkan daripada membayar cukai sebanyak 10% di bawah undang-undang baru ini. Yang demikian, adalah *dicadangkan* supaya penjualan harta-harta oleh semua syarikat pada tahun ke 7 dan berikutnya selepas tarikh pengambilan dikenakan CKHT sebanyak 5%.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

LAMPIRAN XV

Pindaan kepada Ordinan Setem

Sebagai langkah untuk memperkemaskan lagi pentadbiran duti setem dan untuk menyelaraskan pengenaan duti ke atas suratcara berhubung dengan urusan-urusan Bank Islam dan bank-bank lain, adalah *dicadangkan* supaya pindaan-pindaan berikut dibuat kepada Ordinan Setem iaitu:

- (i) duti setem ke atas cagaran utama dalam bentuk stok, saham dan resit simpanan tetap dipinda dari kadar tetap sebanyak \$3 kepada kadar ad valorem sebanyak 0.5%, selaras dengan cagaran utama lain;
- (ii) perkara 4, Jadual Satu kepada Ordinan Setem dipinda. Duti dikenakan ke atas pinjaman asal sahaja dan duti ke atas cagaran-cagaran dan suratcara lain untuk pinjaman yang sama dikenakan duti tidak melebihi \$10.00.
- (iii) duti setem ke atas suratcara "Letter of Hypothecation" dikenakan pada kadar tetap \$3.00.
- (iv) kadar-kadar duti setem yang tercatat dibawah seksyen-seksyen 4 (3), 19 (4), 20 (5) dan 21 (2) Ordinan Setem dipinda untuk mencerminkan kadar-kadar yang terdapat dalam Jadual Satu Ordinan;
- (v) seksyen baru 20B diperkenalkan dimana kadar duti ad valorem ke atas pemindahan harta dikenakan walaupun pemindahan bagi harta yang sama dibuat dengan menggunakan beberapa suratcara; dan

- (vi) polisi insuran nyawa yang tidak melebihi \$5,000 akan dikecualikan daripada duti setem untuk menggalakkan simpanan dan insuran melalui pelepasan duti setem kepada golongan berpendapatan rendah untuk memiliki polisi-polisi tersebut.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1.1.1985.

LAMPIRAN XVI

Memperkenalkan skim galakan kepada industri berasaskan getah

Dalam usaha untuk mencapai objektif Kerajaan bagi mempertingkatkan penggunaan getah tempatan dari paras 60,000 tan setahun pada masa kini kepada 300,000 tan setahun sehingga akhir dekad ini, adalah *dicadangkan* agar pekilang-pekilang berasaskan getah yang berorientasi eksport diberikan kadar tarif elektrik yang istimewa dan dibenarkan membeli getah pada harga yang telah didiskaunkan dari FELDA, MARDEC dan RISDA. Untuk memastikan kualiti keluaran, pekilang-pekilang tersebut akan digalakkan untuk mengikut piawaian SIRIM.

Skim untuk membenarkan pembelian getah pada harga yang telah didiskaunkan ini dirangka untuk memberi pampasan kepada pekilang-pekilang tempatan yang menghadapi persaingan dengan pekilang-pekilang di negara-negara lain yang mengeluarkan getah kerana terpaksa membayar harga yang tinggi untuk getah tempatan akibat perubahan-perubahan yang dibuat kepada struktur duti eksport atas getah dari masa ke semasa sejak tahun 1979. Walau bagaimanapun, pemberian kadar tarif elektrik yang istimewa dan pembelian getah pada harga yang telah didiskaunkan ini akan hanya diberi kepada bahagian yang terlibat dalam proses pengeluaran untuk eksport.

Skim galakan di atas akan dilaksanakan pada bulan Januari 1985.

LAMPIRAN XVII

Menaikkan duti import ke atas tayar

Untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tayar tempatan adalah *dicadangkan* supaya duti import ke atas tayar dinaikkan seperti berikut:

(1) Kod Tarif BTN	(2) Keterangan	(3) Kadar sekarang	(4) Kadar dicadangkan
40.11	TAYAR GETAH YANG BIASA-NYA DIGUNAKAN:		
100	untuk motokar	50% atau \$4.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
200	untuk bas atau lori	50% atau \$4.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi	50% atau \$4.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
410	untuk motosikal	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
420	untuk skuter	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
430	untuk basikal	\$1.80 satu	50% atau \$5.00 satu mengikut mana yang lebih tinggi.
440*	untuk wheel-barrow	Baru	50% atau \$2.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.

(1) Kod Tarif BTN	(2) Keterangan	(3) Kadar sekarang	(4) Kadar dicadangkan
TIUB DALAM YANG BIASA- NYA DIGUNAKAN:			
510	untuk motokar	50% atau \$4.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
520	untuk bas atau lori	\$3.09 se kg.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
540	untuk motosikal	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
550	untuk skuter	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
560	untuk basikal	25 sen satu	50% atau 60 sen satu mengikut mana yang lebih tinggi.
590	lain-lain	50% atau \$4.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
TAYAR CELUP YANG BIASA- NYA DIGUNAKAN:			
710	untuk motokar	\$3.97 se kg.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
720	untuk bas atau lori	\$3.97 se kg.	50% atau \$8.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
740	untuk motosikal	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
750	untuk skuter	\$3.97 se kg.	50% atau \$6.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
760	untuk basikal	\$1.80 satu	50% atau \$5.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
TAYAR TRAKTOR IMPLEMENT DAN JENTOLAK:			
810	yang beratnya tidak melebihi 726 kg. setiap satu.	\$3.97 se kg.	50% atau \$5.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
820	yang beratnya melebihi 726 kg. setiap satu	5%	50% atau \$5.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
TAYAR MATI (SOLID TYRES):			
911	yang garis pusat luarnya tidak melebihi 10 cm	5%	50% atau \$2.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
912	yang garis pusat luarnya melebihi 10 cm tapi tidak melebihi 25 cm	\$1.30 se kg.	50% atau \$2.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.
913	yang garis pusat luarnya melebihi 25 cm	5%	50% atau \$2.00 se kg. mengikut mana yang lebih tinggi.

* Kod baru yang dicadangkan.

LAMPIRAN XVIII

Menaikkan duti import ke atas papan lapis

Untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada perusahaan papan lapis tempatan, adalah *dicadangkan* supaya duti import ke atas papan lapis yang diperjeniskan di bawah kod tarif 44.15 190 dinaikkan dari 25% kepada 45%.

LAMPIRAN XIX

Perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Ordinan Lalulintas 1958

Adalah dirasakan perlu disemak semula beberapa jenis bayaran yang terdapat di bawah Ordinan Lalulintas 1958 bertujuan mencerminkan keadaan semasa. Oleh itu adalah *dicadangkan*

agar bayaran-bayaran ini dinaikkan seperti berikut:

SENARAI BAYARAN	KADAR SEKARANG	KADAR BARU
1. PENDAFTARAN kenderaan bermotor:		
(a) dimiliki oleh individu	\$60.00	(i) Tidak melebihi 1500 cc \$150.00 (ii) Melebihi 1500 cc \$300.00
(b) dimiliki oleh syarikat	\$60.00	\$500.00
2. PENDAFTARAN SEMULA sesebuah kenderaan bermotor yang mana pendaftarannya telah dibatalkan	\$50.00	(i) Tidak melebihi 1500 cc \$100.00 (ii) Tidak melebihi 1500 cc \$200.00
3. PINDAH MILIK sesebuah kenderaan bermotor:		
(i) dari individu kepada individu	\$40.00	\$100.00
(ii) dari individu kepada syarikat	\$40.00	\$300.00
(iii) dari syarikat kepada individu	\$40.00	\$100.00
(iv) dari syarikat kepada syarikat	\$40.00	\$100.00
4. MENIMBANG Kereta Pesakal atau Motosikal atas jambatan penimbang yang dikawal oleh pihak Pendaftar atau seseorang Pegawai Polis	\$1.00	\$5.00
5. MEMBEKALKAN—		
(a) salinan lesen kenderaan bermotor atau salinan buku pendaftaran	\$10.00	\$50.00
(b) menterjemahkan lesen memandu	—	\$100.00
6. Memasukkan ke dalam daftar dan/atau ke dalam buku pendaftaran nama lain-lain pihak yang menuntut atas pemilikan kenderaan bermotor selain dari pemilikan yang dituntut oleh Kerajaan	—	\$50.00
7. Kelulusan permohonan untuk menukar nombor pendaftaran yang diperuntukkan kepada sesebuah kenderaan bermotor kepada sesebuah kenderaan lain	\$60.00	\$200.00
8. CUKAI JALAN bagi motosikal—		
dengan keupayaan selinder tidak melebihi 75 cc	\$50.00	Seperti kadar dicadang di bawah
melebihi 75 tetapi tidak melebihi 150 cc	\$55.00	..
melebihi 150 cc tetapi tidak melebihi 250 cc	\$60.00	..
melebihi 250 cc	\$70.00	..
<i>Kadar dicadang</i>		
CUKAI JALAN bagi motosikal—		
dengan keupayaan selinder tidak melebihi 100 cc	—	\$55.00
melebihi 100 tetapi tidak melebihi 150 cc	—	\$65.00
melebihi 150 tetapi tidak melebihi 250 cc	—	\$100.00
melebihi 250 tetapi tidak melebihi 500 cc	—	\$150.00
melebihi 500 cc	—	50 sen per cc

SENARAI BAYARAN	KADAR SEKARANG	KADAR BARU
9. CUKAI JALAN bagi sesebuah kenderaan bermotor selain dari kenderaan bermotor saloon atau motosikal:		
(i) Jika dipasang dengan injin yang direkabentuk khusus untuk menggunakan minyak petrol:		
Tidak melebihi 7 tempat duduk (termasuk pemandu)		
dengan selinder 1000 cc atau kurang	13 sen setiap cc	\$200.00
bagi 200 cc berikutnya	15 sen setiap cc	Tiada perubahan
bagi 300 cc berikutnya	20 sen setiap cc	Tiada perubahan
bagi 500 cc berikutnya	35 sen setiap cc	Tiada perubahan
bagi 500 cc berikutnya	80 sen setiap cc	Tiada perubahan
bagi 500 cc berikutnya	\$2.00 setiap cc	Dimansuhkan
bagi bakinya	\$3.60 setiap cc	\$1.60 sen setiap cc
Melebihi 7 tempat duduk tetapi tidak melebihi 15 tempat duduk (termasuk pemandu)	Kadar di atas campur 25% kadar tersebut	Tiada perubahan
Melebihi 15 tempat duduk tetapi tidak melebihi 20 tempat duduk (termasuk pemandu)	Kadar di atas campur 50% kadar tersebut	Kadar di atas campur 40% kadar tersebut
Melebihi 20 tempat duduk tetapi tidak melebihi 30 tempat duduk (termasuk pemandu)	Kadar di atas campur 75% kadar tersebut	Kadar di atas campur 55% kadar tersebut
melebihi 30 tempat duduk (termasuk pemandu)	Kadar di atas campur 100% kadar tersebut	Kadar di atas campur 70% kadar tersebut
Jika dipasang dengan injin yang direkabentuk khusus untuk menggunakan minyak diesel	5 kali ganda kadar tersebut di atas	4 kali ganda kadar tersebut di atas
10. CUKAI JALAN untuk kenderaan sewa dan pandu		
(a) Jika dipasang dengan injin yang direkabentuk khusus untuk menggunakan minyak petrol	12 sen setiap cc keupayaan selinder (minima \$40.00)	Seperti kadar dicadang di bawah
(b) Tidak melebihi 1600 cc	44 sen setiap cc keupayaan selinder	Seperti kadar dicadang di bawah
<i>Kadar dicadang</i>		
CUKAI JALAN untuk kenderaan sewa dan pandu		
(a) Jika dipasang dengan injin yang direkabentuk khusus untuk menggunakan minyak petrol		
Tidak melebihi 1600 cc	—	12 sen setiap cc
Melebihi 1600 tetapi tidak melebihi 1800 cc	—	14 sen setiap cc
Melebihi 1800 tetapi tidak melebihi 2200 cc	—	18 sen setiap cc
Melebihi 2200 tetapi tidak melebihi 2600 cc	—	22 sen setiap cc
Melebihi 2600 cc	—	30 sen setiap cc
(b) Jika dipasang dengan injin yang direkabentuk khusus untuk menggunakan diesel	—	Tiga kali ganda kadar tersebut di atas
11. Pemeriksaan Kenderaan bermotor bagi kegunaan Perdagangan		
(a) Untuk pemeriksaan pertama	\$10.00	\$40.00
(b) Untuk sebarang pemeriksaan berikutnya	\$5.00	\$20.00

SENARAI BAYARAN	KADAR SEKARANG	KADAR BARU
12. LESEN NIAGA KENDERAAN:		
(a) untuk kegunaan atas semua jenis kenderaan	\$480.00	\$700.00
(b) untuk kegunaan hanya atas kereta pesakit, motosikal dan kenderaan yang dikawal oleh pejabat	\$240.00	\$240.00
	Dicampur dengan bayaran \$50 yang akan dibayar balik untuk setiap pasang plat niaga yang dikeluarkan bersama-sama dengan lesen	Dicampur dengan bayaran \$20 yang tidak akan dibayar balik untuk setiap pasang plat niaga yang dikeluarkan bersama-sama dengan lesen
13. Membekalkan plat pengenalan untuk kenderaan sewa dan pandu	\$5.00	\$20.00

LAMPIRAN XX

Cukai jalan ke atas kereta-kereta diesel milik persendirian dan kereta-kereta milik syarikat

Memandangkan bahawa subsidi ke atas diesel telah ditarik balik sejak awal tahun ini, adalah *dicadangkan* supaya cukai jalan ke atas kereta-kereta diesel milik persendirian dikurangkan daripada lima kepada empat kali ganda cukai jalan ke atas kereta-kereta petrol milik persendirian. Selain dari itu, adalah *dicadangkan* supaya cukai jalan ke atas kereta-kereta milik syarikat dikurangkan daripada empat kepada dua kali ganda cukai jalan ke atas kereta-kereta petrol milik persendirian.

LAMPIRAN XXI

Cadangan untuk menaikkan duti import dan duti eksais ke atas kereta-kereta penumpang persendirian

Sebagai suatu langkah untuk memperbaiki imbalan pembayaran negara di samping untuk melindungi projek kereta nasional yang dijangka

akan memulakan pengeluaran di tahun 1985, adalah *dicadangkan* supaya duti import ke atas kereta-kereta yang belum siap dipasang dan ke atas kereta-kereta yang siap dipasang, dinaikkan bertujuan untuk tidak menggalakkan pengimportan kereta-kereta jenis tersebut. Pada masa yang sama adalah *dicadangkan* juga dinaikkan duti eksais ke atas kereta yang bernilai lebih daripada \$13,000 yang dipasang di negara ini bagi tujuan menambahkan hasil negara di samping mengekalkan perbezaan antara kereta yang diimport dan yang dipasang di negara ini. Kadar-kadar baru adalah seperti berikut:

	Kadar sekarang	Kadar di- cadangkan
(i) Duti import ke atas kereta yang belum siap dipasang (CKD)	30%	40%
(ii) Duti import ke atas kereta yang siap di pasang (CBU)		
Atas nilai kurang 20,000	105%	140%
\$5,000 berikutnya	125%	160%
\$5,000 berikutnya	150%	185%
\$5,000 berikutnya	175%	210%
\$5,000 berikutnya	215%	250%
Atas bakinya	265%	300%

	<i>Kadar sekarang</i>	<i>Kadar di- cadangkan</i>
(iii) Duti eksais ke atas kereta		
Atas nilai kurang dari \$7,000	25%	25%
\$3,000 yang berikutnya	30%	30%
\$3,000 yang berikutnya	35%	35%
\$3,000 yang berikutnya	45%	50%
\$7,000 yang berikutnya	55%	60%
Atas bakinya	60%	65%

LAMPIRAN XXII

Cadangan untuk membantu industri bas

Bagi tujuan untuk membantu industri bas, adalah *dicadangkan* supaya duti eksais dikecualikan ke atas bas berhenti-henti dan bas sekolah milik syarikat. Pengecualian ini tidak termasuk bas ekspres, bas persiaran, bas mini, bas kilang dan bas sekolah milik persendirian yang mana akan terus dikenakan duti eksais.

LAMPIRAN XXIII

Hadiah dan cenderamata yang dibawa masuk ke negara ini oleh rakyat yang keluar negara

Pada masa ini, hadiah dan cenderamata tanpa duti yang boleh di bawa masuk ke negara ini oleh seseorang selepas berada di luar negara sekurang-kurangnya 72 jam adalah bergantung kepada sekatan sebanyak \$200 di mana nilai sesuatu unit barangan itu tidak melebihi daripada \$25. Untuk memastikan kemudahan ini lebih liberal lagi, adalah *dicadangkan* supaya sekatan ke atas nilai sesuatu unit itu dihapuskan.

Begitu juga sebagai insentif untuk menggalakkan lawatan ke Labuan, adalah *dicadangkan* supaya pelancung-pelancung yang kembali dari Labuan dibenarkan membawa balik hadiah dan cenderamata yang bernilai sehingga \$500.

LAMPIRAN XXIV

Memudahkan pemeriksaan Kastam di semua pintu kemasukan

Bagi memudahkan lagi pemeriksaan kastam ke atas penumpang-penumpang yang masuk ke negara ini, adalah *dicadangkan* supaya satu kadar duti sebanyak 50% sahaja dikenakan ke atas semua barang yang bukan barang-barang perniagaan yang di bawa masuk oleh penumpang-penumpang tersebut kecuali kenderaan bermotor, minuman keras, rokok, barang-barang yang tidak dikenakan apa-apa duti dan barang-barang yang dikecualikan daripada semua duti bagi penumpang-penumpang yang berada sekurang-kurangnya 72 jam di luar negeri.

Untuk memudahkan rujukan barang-barang yang boleh di bawa balik oleh seseorang yang berada sekurang-kurangnya 72 jam di luar negeri adalah seperti berikut:

- (i) minuman keras tidak melebihi 1 liter;
- (ii) tembakau tidak melebihi 225 gram (bersamaan dengan 200 batang rokok);
- (iii) mancis tidak melebihi 100 batang;
- (iv) alat solek, sabun dan ubat gigi tidak melebihi \$200;
- (v) pakaian tidak melebihi 3 helai;

(vi) kasut tidak melebihi sepasang;

LAMPIRAN XXV

(vii) barang-barang yang boleh dibimbit yang menggunakan tenaga letrik dan bateri untuk kegunaan sendiri dan kesihatan tidak melebihi seunit setiap satu;

(viii) bahan-bahan makanan yang berduti tidak melebihi \$75;

(ix) cenderamata dan hadiah tidak melebihi \$200 (kecuali jika barang-barang diimport dari Labuan jumlah nilai yang dibenarkan adalah tidak melebihi \$500).

Cadangan untuk membantu restoran-restoran dan lain-lain tempat makanan

Untuk membantu perniagaan restoran, adalah *dicadangkan* supaya beberapa jenis makanan yang sentiasa dihidang di restoran-restoran dan lain-lain kedai makanan dikecualikan daripada duti import antara 25% dan 50% dengan syarat barang-barang tersebut hendaklah diimport terus dari negara asal melalui pelabuhan-pelabuhan tempatan. Barang-barang makanan yang terlibat dan kadar pengecualian duti import berkenaan adalah seperti berikut:

BTN No.		Keterangan	Kadar duti import sekarang	Kadar pengecualian duti import
03.02	310	Fishmaws	40%	25%
	320	Sharks' Fin	50%	
04.05	220	Duck eggs	10% atau \$3.30 bagi 100 biji	
07.04	100	Dried Mushrooms	15% atau \$600 se tan	
16.05	110	Abalone	50%	50%
03.02	391	Marine	15%	
03.03	210	Oysters	50%	
	291			
	292			
16.04	120	Herring and brislings	50%	
	150	Sauries	50%	
	190			
	220			
		Fish paste and similar preparations	10%	
16.05	120	Prawns and Shrimps	50%	
	130	Crabs	50%	
	140	Cuttlefish	40%	

LAMPIRAN XXVI

Cadangan untuk menukarkan kadar duti eksais dari spesifik ke ad valorem

Sebagai sebahagian daripada proses menyelaraskan dan memudahkan duti-duti kastam, adalah *dicadangkan* supaya sekurang-kurangnya 9 kadar duti eksais ditukarkan dari kadar spesifik kepada kadar ad valorem. Tujuan penukaran ini ialah supaya hasil dari duti eksais akan berubah sealaran dengan perubahan-perubahan harga barangan berkenaan. Butir-butir mengenai barang-barang yang akan ditukarkan adalah seperti berikut:

	<i>Kadar sekarang</i>	<i>Kadar di- cadangkan</i>
1. Minuman ringan bergas	2 sen se liter	3%
2. Minuman ringan tanpa gas yang siap untuk diminum tanpa campuran	2 sen se liter	3%
3. Selain daripada 2 di atas	2 sen se liter	3%
4. Bir dan ale	\$2.00 se liter	85%
5. Stout dan porter	\$2.00 se liter	85%
6. Daun terup	5 sen se pack	10%
7. Bateri kering	2 sen se cell	10%
8. Serbok perasa	\$1.21 se kg	18%
9. Mancis	80 sen bagi 100 kotak	20%

LAMPIRAN XXVII

Cadangan untuk membantu industri percetakan

Untuk membantu industri percetakan adalah *dicadangkan* supaya bahan mentah berikut yang biasanya digunakan oleh industri ini dikecualikan daripada cukai jualan.

<i>BTN No.</i>	<i>Keterangan</i>
48.01	Paper and paperboard (including cellulose wadding) in roll or sheets.
211	not exceeding 25 cm in width
219	other
220	in sheets
230	uncoated writing paper

LAMPIRAN XXVIII

**'Compression garments' yang digunakan untuk merawat parut di tisu dan cantuman kulit
(Kod Tarrif BTN 61.09 920)**

Bagi tujuan memudahkan rawatan parut-parut di tisu dan cantuman kulit adalah *dicadangkan* supaya duti import (30%) dan cukai jualan atas 'compression garments' dihapuskan.